

KERATAN AKHBAR

Staf tabika **terjangkit**

Bernama

Dungun

Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Terengganu mengesahkan sebuah taman bimbingan kanak-kanak (tabika) di Al Muktafi Billah Shah, Bukit Besi di sini, ditutup bermula semalam selepas seorang kakitangannya didapati positif Covid-19.

Kemas Terengganu sahkan tempoh tabika ditutup bergantung penilaian jabatan kesihatan negeri

Pengarahnya Ahmad Fakhru Azman Muhammad Radzi berkata, penutupan premis itu adalah inisiatif pihaknya bagi mencegah penularan wabak itu.

Bagaimanapun, katanya, tempoh penutupan akan bergantung kepada penilaian Jabatan Kesihatan Ne-

geri Terengganu kelak.

"Hari ini (semalam), kontak rapat kepada kakitangan itu menjalani ujian saringan Covid-19 termasuk 20 kanak-kanak yang belajar di tabika itu.

"Sehubungan itu, kita berharap ibu bapa tidak panik kerana Kemas Tereng-

ganu mengambil semua langkah perlu seperti disarankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya dihubungi, semalam.

Beliau berkata, buat masa ini semua Tabika Kemas lain di seluruh Terengganu beroperasi seperti biasa tanpa sebarang gangguan.

HARIAN METRO

KETERANGAN AKHBAR

Harian Metro

KERATAN BERTARIKH: 2 OKTOBER 2020

RUANGAN:

LOKAL

HALAMAN:

4

HARI:

JUMAAT